

Tiada kaitan dengan Ku Li

BM 110 NOV 1983

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi Umno (MT) tidak berkuasa meminda sebarang peruntukan dalam perlembagaan Umno kerana kuasa itu terletak kepada Perhimpunan Agung, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, keraguan mengenai kuasa meminda perlembagaan tidak perlu wujud kerana tidak ada sesiapa yang dapat berbuat demikian kecuali keputusan sebulat suara Perhimpunan Agung Umno.

Beliau berkata demikian ketika mengulas keputusan Perhimpunan Agung Umno menerima usul melarang parti itu meminda perlembagaannya semata-mata untuk membolehkan orang Melayu yang ada di luar parti menyertainya.

"Adalah aneh jika tuntutan itu (meminda perlembagaan) dibuat oleh Semangat 46. Jika mereka mahu meminda perlembagaan Umno dari luar parti ini, ia adalah sesuatu yang tidak masuk akal.

"Kita tidak boleh menerima syarat sedemikian kerana kita mengutamakan keputusan ahli. Tetapi jika mereka (ahli Semangat 46) menyertai semula Umno mereka boleh membuat permohonan pindaan itu di Perhimpunan Agung.

"Ahli Umno sendiri pun tidak boleh mengubah perlembagaan parti tanpa

melalui proses di Perhimpunan Agung," katanya.

Beliau berkata, syarat Semangat 46 itu tidak boleh diterima langsung kerana mereka bukanlah ahli Umno.

"Orang luar mestilah sedar bahawa mereka tidak patut campurtangan dalam hal-hwal parti orang lain. Cadangan seperti ini pun tidak pernah dibuat dalam Umno sebelum ini," katanya.

Menjawab soalan sama ada kelulusan usul itu akan menjejaskan rancangan mengadakan pertemuan dengan Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Saya rasa beliau tidak akan teragak-agak untuk menemui saya. Ini tidak ada kaitan dengan pertemuan itu, sebab Tengku Razaleigh bukanlah ahli Umno.

"Pertemuan itu cuma akan menyentuh pelbagai perkara, termasuk perpaduan Melayu. Soal sama ada beliau ingin menyertai semula Umno, tidak timbul sekarang."

Sementara itu, ketika menjawab soalan mengenai harga perabot \$100 juta di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu sehingga menerima laporan daripada pengurus bangunan.